

Eric Choong bakal tembusi fesyen dunia

KUALA LUMPUR: Seorang daripada 10 pereka fesyen terkemuka Malaysia bakal memasuki pasaran antarabangsa dengan pelbagai rekaan pakaian yang diilhamkan daripada unsur-unsur budaya Malaysia dan juga dengan "bantuan luar".

Di kawasan mewah Bangsar Baru, Eric Choong telah menubuhkan syarikatnya yang digelar Wedding Treasures Sdn. Bhd. yang menawarkan pelbagai rekaan untuk pelanggan eksklusif yang terdiri daripada pemenang ratu cantik dan personaliti terkemuka daripada dunia politik, seni dan golongan berada.



(The Star)

Beberapa pelanggan beliau termasuk almarhumah Datin Seri Endon Mahmood, isteri Perdana Menteri Malaysia, Sheila Majid, Paula Malai Ali, Soong Ai Ling dan Ratu Malaysia/Dunia 2004 Gloria Ting.

Choong, 42, keturunan Cina Malaysia yang mempunyai pengalaman 20 tahun dalam rekaan kreatif, berkata pengaruh ibunya, seorang jurumekap artis, mendorongnya membabitkan diri dalam kerja rekaan fesyen.



(The Star)

"Saya membesar dalam persekitaran artistik sejak berumur tujuh tahun dan keadaan ini, secara semulajadi telah memberikan kesan besar kepada daya kreativiti saya," kata Choong dalam satu temu bual dengan *Bernama*.

Lulusan Hong Kong Institute of Fashion Design, Choong melancarkan labelnya sendiri dipanggil "Eric Choong Kuala Lumpur". Beliau dijemput oleh Parkson Grand untuk turut serta dalam Pertunjukan Fesyen Kontemporari yang mempamerkan rekaan 10 pereka terkemuka Malaysia.

Malahan, Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia mengiktiraf beliau sebagai seorang daripada 10 pereka terkemuka negara bagi tahun 1991/92.



(The Star)

Choong mengimbas kembali "saat paling indah" apabila beliau menyertai Pertunjukan Songket Malaysia pada 1993, yang mempamerkan pakaian yang berasaskan songket.

Media asing yang membuat liputan pada majlis itu telah menamakan Choong sebagai pereka fesyen harapan Malaysia.

Choong juga menjadi wakil rasmi Malaysia dalam Pertunjukan Fesyen ASEAN di Singapura pada 1997 dan sekali lagi pada tahun berikutnya pada Pertunjukan Fesyen Asia-Pasifik di Hong Kong.

Selain bakat dan keistimewaan tersendiri, pereka fesyen itu turut bekerjasama rapat dengan pereka fesyen tersohor seperti Cartier dan Bvlgari; koleksi pakaian pengantin dan gaun petang beliau yang bertema "Underwater Garden Fantasy" di Regent Hotel pada 1998 merupakan lambang kejayaannya.

Susulan itu, Tiffany & Co. menawarkan kepada beliau pada 2000 untuk menghasilkan pakaian bagi pertunjukan fesyen yang mempamerkan barangan kemas syarikat itu di Carcosa Seri Negara, yang penaung utamanya ialah Endon.

Endon, dakwa Choong, amat mengagumi hasil kerjanya sehingga beliau memintanya mereka "baju kebaya" dan gaun petang bagi majlis pelancaran Yayasan Budi Penyayang Malaysia.

"Saya banyak berhutang budi kepada almarhumah Datin Seri Endon yang mengesan bakat saya dan mempromosikan produk saya," akui Choong.

Dalam usaha beliau untuk mempromosikan batik, Endon turut mempromosikan pereka yang menghasilkan rekaan berunsurkan batik.

Choong berkata walaupun batik telah lama menjadi pilihan ramai, hanya barubaru ini ia diangkat ke tahap lebih moden.

Beliau turut mewakili Malaysia di Beijing bagi pertunjukan fesyen untuk memberi pendedahan lebih meluas mengenai Malaysia pada 2004, diadakan sempena ulang tahun ke-30 persidangan hubungan diplomatik Malaysia-China.

Satu lagi pencapaian besar dalam kerjayanya termasuk menyertai Pertunjukan Fesyen Antarabangsa Asia Tenggara di Nanning dalam Wilayah Guangxi, China.

Selain dihakimi oleh orang lain, Choong sendiri turut menjadi seorang daripada panel hakim bagi pertandingan Ratu Malaysia/Dunia, dan juga sebagai pereka rasmi bagi kategori "Rekaan Gaun Petang" yang dipakai oleh Ratu Malaysia pada pertandingan Ratu Dunia 2004.

Selain itu, beliau juga merupakan pengarah fesyen bagi "The 3rd Generation".

Beliau turut menggunakan pendekatan *avant garde* dalam menghasilkan rekaan baru.

"Produk saya merupakan gabungan budaya timur dan barat dan diri saya sendiri amat meminati keindahan kain sari yang dipakai oleh wanita India.

"Sari kini semakin popular dan ramai pereka fesyen Asia menggunakannya sebagai asas untuk mencipta rekaan baru," katanya.

Ditanya kenapa beliau mengeluarkan jenama "Eric Choong Kuala Lumpur", beliau berkata ia perlu bagi mewujudkan "tarikan antarabangsa".

"Ini merupakan satu cara untuk menarik pembeli asing. Malahan, saya pernah menjual produk saya kepada orang Amerika. Saya tahu ada permintaan terhadap produk saya di Amerika Syarikat dan saya sedang mencari wakil di negara itu untuk membuka francais produk saya," katanya. **BERNAMA**